

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat, sesungguhnya perbahasan tentang ilmu morfologi ini amat luas sekali. Ini dapat diperhatikan apabila satu aspek kecil daripada ilmu tersebut telah memaparkan lautan khazanah ilmiah yang tidak bertepi. Ini jelas apabila kita membicarakan sesuatu elemen yang terkandung di dalam sesuatu bab umpamanya, ia akan berkait dengan bab-bab yang lain apabila ia dibincangkan secara menyeluruh. Bab yang dikaitkan itu juga mempunyai hubung kaitnya dengan bab yang lain dan begitulah seterusnya.

#### **5.1 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, untuk melakukan pengkajian tentang sesuatu bidang itu, perlu kepada pengamatan dan pemerhatian yang teliti agar apa yang dibincangkan itu tidak terkeluar dari objektif asalnya. Lantaran itu, disertasi ini cuba sedaya upaya untuk memaparkan perbincangan yang menyeluruh supaya ia dapat memberikan sesuatu yang bernilai kepada pengkaji seterusnya.

Disertasi ini dimulakan dengan perbincangan yang antaranya meliputi tentang apakah yang hendak dikaji, kaedah kajian dan batasan kajian yang hendak dijalankan berdasarkan tajuk disertasi ini, iaitu Derivasi Kata Kerja Mu'tal Dalam Bahasa Arab.

Setelah dibincangkan dengan panjang lebar, dapatlah dirumuskan di sini seperti berikut:

- 1) Perbincangan tentang kata kerja ini termasuk dalam bidang morfologi yang membicarakan tentang struktur sesuatu perkataan sebelum dimasukkan ke dalam sesuatu ayat.
- 2) Kata kerja adalah salah satu daripada tiga bahagian perkataan dalam bahasa Arab. Dua bahagian yang lain ialah kata nama dan partikel.
- 3) Kata kerja dalam bahasa Arab mempunyai pecahan-pecahan yang tersendiri berdasarkan aspek-aspek yang tertentu. Disertasi ini telah membincang tujuh aspek yang penting yang terdapat dalam kata kerja bahasa Arab seperti yang terdapat dalam buku-buku rujukan yang digunakan.
- 4) Setiap kata kerja dalam bahasa Arab boleh dibincangkan dalam banyak aspek dalam satu-satu masa. Setiap aspek mempunyai perbahasan panjang lebar yang tersendiri.
- 5) Huruf 'illah dalam bahasa Arab mempunyai peranan yang amat besar dalam penderivasian kata kerja mu'tal. Ia banyak mempengaruhi perubahan dalam sesuatu kata kerja mu'tal.
- 6) Penekanan perlu diberikan kepada memahami peranan huruf 'illah memandangkan fungsinya yang amat ketara sekali apabila sesuatu kata kerja itu diderivasikan.

7) Kata kerja secara umumnya terdiri daripada tiga huruf yang dikenali sebagai faa' kata, 'ain kata dan laam kata ( فعل). Huruf 'illah dalam kata kerja mu'tal terletak sama ada pada faa' kata seperti وَعَدَ (berjanji) dan يَسِّرَ (kering) yang dinamakan sebagai kata kerja mu'tal mithaal, 'ain kata seperti قَالَ (berkata) yang dinamakan sebagai kata kerja mu'tal ajwaf, laam kata seperti رَمَى (melontar) yang dinamakan sebagai kata kerja mu'tal naaqis. Terdapat kata kerja yang mempunyai dua huruf 'illah, iaitu pada faa' kata dan laam kata seperti وَعَيْ (sedar) yang dikenali sebagai kata kerja mu'tal lafiif mafruuq dan pada 'ain kata dan laam kata seperti حَيْ (hidup) yang dikenali sebagai kata kerja mu'tal lafiif maqruuun.

8) Hasil kajian mendapati bahawa penderivasian kata kerja yang mengandungi huruf 'illah pada laam kata adalah lebih rumit berbanding dengan kata kerja yang lain. Ini jelas dapat dilihat ketika disertasi ini membincangkan tentang penderivasian kata kerja mu'tal naaqis, lafiif mafruuq dan lafiif maqruuun.

9) Untuk menguasai teknik penderivasian kata kerja mu'tal ini, seseorang itu seharusnya memahami dengan baik konsep i'laal kerana ia menjurus kepada perbincangan tentang perubahan sesuatu huruf 'illah apabila kata kerja mu'tal itu diderivasikan.

10) Para pelajar bahasa Arab sewajarnya mengetahui konsep i'laal ini kerana ia amat penting ketika mencari makna sesuatu perkataan dengan merujuk kepada kamus. Kamus pada kebiasaannya akan meletakkan sesuatu perkataan itu berdasarkan kepada kata dasarnya. Contohnya perkataan صيام (*puasa*) diletakkan pada kata dasar صائم dan perkataan صفة (*sifat*) pada kata dasar وصف.

11) Kajian lapangan penulis juga mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar sekolah menengah adalah rendah dalam penderivasian kata kerja mu'tal. Ini jelas terbukti apabila soal selidik yang dibuat menunjukkan penguasaan pelajar berada di tahap yang tidak memuaskan.

## 5.2 Saranan

Kepada para pengkaji selepas ini, adalah dicadangkan agar dapat membuat kajian selanjutnya yang berkaitan dengan kata kerja mu'tal yang menyentuh tentang:

- 1) I'laal dan Ibdaal yang berlaku pada kata kerja dalam bahasa Arab. Ini penting kerana kata kerja tersebut apabila ia diderivasikan, akan berlaku perubahan kepada huruf dan baris asal yang terdapat pada kata kerja tersebut.
- 2) Analisis kesilapan penggunaan kata kerja mu'tal di kalangan pelajar memandangkan belum ada lagi kajian sebegini bagi mengetahui dengan lebih terperinci tentang sejauh mana penguasaan pelajar terhadap penggunaan kata kerja mu'tal ini. Kajian lapangan yang dimuatkan dalam disertasi ini adalah sebagai usaha merintis jalan ke arah mengkaji penguasaan pelajar dalam penggunaan kata kerja mu'tal ini.

3) Membicarakan tentang huruf ‘illah dari segi peranan dan fungsinya secara terperinci. Ini penting kerana huruf ‘illah ini telah diberikan perhatian yang penting oleh ahli bahasa Arab silam dan moden. Namun masih lagi terdapat ruang yang belum dipenuhi oleh pengkaji sehingga ke hari ini.

### 5.3 Penutup

Adalah menjadi harapan penulis agar pembicaraan tentang derivasi kata kerja mu’tal dapat dijadikan topik penting dalam pengajaran bahasa Arab kerana jika dilihat dari sudut Agama, tiga daripada lima rukun Islam itu terdiri dari kata kerja mu’tal, iaitu

الزَّكَاةُ، صَلَوةُ الصَّلَاةِ (zakat, salat) yang berasal daripada kata kerja zakat yang berasal daripada perkataan زَكَةٌ (puasa) atau الصَّيَامُ (puasa) berasal daripada

perkataan صَامٌ . Selain dari itu, sebagai seorang muslim, kita tidak dapat lari daripada

penggunaan perkataan-perkataan seperti وضوءٌ (wudhu'), هِدَايَةٌ (petunjuk), تَوْفِيقٌ (taufik),

حَيَاةٌ (kehidupan), مَوْتٌ (kematian) dan sebagainya, dimana ia telah digunakan secara

meluas bahkan dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Kesemua perkataan tersebut berasal daripada kata kerja mu’tal. Bahkan perkataan manusia atau insan yang berasal daripada bahasa Arab, iaitu إِنْسَانٌ adalah berasal daripada kata kerja mu’tal, iaitu نَسِيٌّ .

Jadi adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa manusia dan kata kerja mu’tal ini saling berkait rapat dan mempunyai hubungan yang tersendiri.

Secara simboliknya dapatlah disimpulkan bahawa huruf ‘illah ini mempunyai lautan khazanah rahsia yang tersendiri yang perlu diterokai oleh pengkaji-pengkaji di sepanjang masa.